

MAHASISWA UTM BAKAL MENCIPTA REKOD
***PALM PRINT* JALUR GEMILANG TERPANJANG DI MALAYSIA**

Kuala Lumpur, 19 Ogos 2016 : Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan ke-59 Peringkat UTM dan Pra Pelancaran Kembara Amal Anak Merdeka PATRIOT'16. Majlis berlangsung di Dataran Ilmu, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Dato' Ahmad Fauzi Zahari, Ahli Parlimen Setiawangsa.

Sempena majlis ini, akan dilancarkan *Palm Print* Jalur Gemilang Terpanjang di Malaysia . Pelancaran ini dapat memupuk semangat kemerdekaan dalam kalangan mahasiswa serta menggalakkan mahasiswa mereleasasikan idea inovasi mereka. **Penghasilan *Palm Print* Jalur Gemilang Terpanjang di Malaysia dengan ukuran sepanjang 3000 meter akan didaftarkan dalam Malaysia Book of Records.** *Palm print* ini dijangka akan melibatkan seramai 315,000 rakyat Malaysia dari beberapa destinasi terpilih tidak mengira umur dan kaum sekaligus dapat memupuk perpaduan dan hubungan antara mahasiswa UTM dan komuniti.

Dalam majlis yang sama diadakan juga Pra-Pelancaran Kembara Anak Amal Merdeka PATRIOT'16, iaitu Program Jati Diri Mahasiswa yang akan berlangsung pada 14 September hingga 18 September. Kembara ini melibatkan 5 buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pulau Pinang, Terengganu, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Gagasan Anak Malaysia Setiawangsa. Pengisian program adalah konvoi sambil mengibarkan bendera Malaysia, Kempen Anak Merdeka, Kutipan Tabung Pahlawan, Sambutan Malam Ambang Merdeka dan bermacam-macam lagi. Program ini turut

mendapat sokongan padu daripada Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Parlimen Setiawangsa.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa semangat cintakan negara, Mahasiswa UTM amat prihatin untuk berganding bahu merealisasikan hasrat tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Hafizah binti Ahmad Pua'at

Penyelaras Pengurusan

Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL),

Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak),

54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 016-3399739

hafizahahmad@utm.my